

**SOALAN NO.: 351**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi terutama di kalangan penoreh getah yang berpendapatan rendah akibat penurunan harga komoditi tersebut

## JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan para pekebun kecil dan penoreh getah yang dianggarkan seramai 300,000 orang dan pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan pendapatan golongan ini.

Dalam hal ini, tindakan serta merta yang telah dilaksanakan bagi membantu pekebun kecil getah menghadapi kesan ketidakstabilan harga getah semasa adalah:

- i. Menyediakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015 dengan peruntukan awal dana sebanyak RM100 juta. Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG telah dinaikkan dari harga SMR20 RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram mulai 2016. Dengan peningkatan PHP, peruntukan dana RM200 juta telah diumumkan dalam Bajet 2016. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama;
- ii. Menggalakkan pekebun kecil getah menghasilkan lateks yang menawarkan harga di peringkat ladang yang lebih tinggi

berbanding dengan *cuplumps*. Berdasarkan harga semasa, harga lateks sekilogram adalah RM4.21 (kadar Kandungan Getah Kering sebanyak 100%) berbanding dengan *cuplump* sebanyak RM1.98 sekilogram. Bagi maksud ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta untuk tujuan pembangunan infastruktur bagi kutipan lateks;

- iii. Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi untuk terlibat di dalam aktiviti urusniaga getah. Peruntukan ini disediakan di bawah mekanisme kawal selia harga di peringkat ladang bertujuan untuk mengurangkan lapisan pembeli di samping membantu meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang. Setakat ini, sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dalam urusniaga getah dan menawarkan pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen; dan
- iv. Menanggihkan kutipan ses sekiranya harga getah SMR20 berada di paras di bawah RM5.50 sekilogram mulai bulan April 2016. Mekanisme pelaksanaan keputusan ini sedang diperhalusi memandangkannya melibatkan pelbagai agensi. Langkah ini akan membolehkan pekebun kecil dengan purata pemilikan 2 hektar dan produktiviti 1,500 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan tambahan sebanyak RM34.80 sebulan.

Selain itu, langkah-langkah jangka panjang bagi meningkatkan pendapatan para pekebun kecil dan penoreh getah adalah melalui memperkukuhkan permintaan dan peningkatan produktiviti. Ini termasuk:

- i. Meneruskan bantuan untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru. Bantuan tanam semula yang diberikan kepada pekebun kecil ialah sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil meningkatkan produktiviti semasa dari 1,400 kilogram/hektar/tahun ke 2,000 kilogram sehektar setahun. Bagi maksud ini, bagi tempoh 2011-2015 peruntukan sebanyak RM1082.4 juta telah disediakan;
- ii. Menggalakkan pekebun kecil terlibat dalam aktiviti pertanian lain seperti integrasi tanaman getah dengan lada dan lain-lain tanaman. Langkah ini, selain menjana sumber pendapatan baru, akan juga dapat membendung pendapatan pekebun kecil getah dan penoreh dalam keadaan harga getah asli yang tidak stabil;
- iii. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport; dan

- iv. Menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara termasuk menggunakan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan sentiasa mempertimbangkan langkah-langkah baru bagi membantu para pekebun kecil getah dan penoreh, agar pendapatan mereka dapat dipertingkatkan dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.